

## Kembangkan penubuhan PR1M

**GONG BADAK** - Kerajaan negeri akan mengembangkan penubuhan Pusat Rehabilitasi 1 Malaysia (PR1M) di beberapa kawasan lain termasuk Batu Rakit, Bukit Besi, Dungun dan Jertih, Besut dalam masa terdekat ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman berkata, ketika ini PR1M tunggal hanya terletak di Seberang Takir dan kewujudan pusat khusus untuk pesakit strok terutamanya yang ingin menjalani rawatan fisioterapi itu mendapat sambu-

tan yang begitu menggalakkan.

"Kita bermula di Seberang Takir sejak lebih dua tahun lalu dan ternyata konsep yang kita perkenalkan melalui PR1M ini sangat membantu rakyat terutamanya pesakit strok kerana kebanyakannya mereka sebenarnya dapat dipulihkan sekiranya menjalani rawatan secara teratur.

"Jadi, kita memutuskan untuk mewujudkan pusat ini di Batu Rakit, Bukit Besi Dungun dan Jertih, Besut dalam masa terdekat ini supaya lebih mem-

beri kemudahan kepada masyarakat terutama yang tidak mempunyai kenderaan untuk ke hospital kerana konsep pusat ini adalah dekat dengan komuniti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui sebaik selesai menyaksikan upacara menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara PR1M Seberang Takir dan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) di Dewan Perdana Unisza, di sini. Mengulas mengenai jalinan

kerjasama dengan universiti tersebut, jelas Ahmad Razif lagi ia membuka peluang kerjasama kepada kedua-dua pihak dalam usaha untuk meningkatkan lagi perkhidmatan.

"Perjanjian yang baru di meterai ini secara tidak langsung akan dijadikan sebagai tempat untuk penuntut jurusan Fisioterapi Unisza menjalani latihan praktikal dan di pihak PR1M pula mereka dapat gunakan kapakaran Unisza bagi membantu mengurus pusat berkelaan," katanya.



Ahmad Razif (tiga, kanan) menyaksikan pertukaran MoU antara Unisza dan PR1M Seberang Takir.

SINGKAR HARIAN 19/05/2015